

# Program pengasingan sisa pepejal masih kurang mendapat sambutan rakyat

Bernama | 📅 November 27, 2019 11:16 MYT



Menurut laman web Swcorp, tahun ini sahaja, jumlah sampah yang dijana di seluruh negara telah mencecah 38,000 tan sehari. - Astro AWANI/SHAHIR OMAR/Gambar hiasan

**KUALA LUMPUR:** Program pengasingan sisa pepejal di punca yang dilaksanakan sejak tiga tahun lepas mendapat sambutan yang kurang memberangsangkan, dengan hanya 28 peratus penduduk Kuala Lumpur melaksanakannya, kata Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Wilayah Persekutuan Mohd Zahir Shari.

Beliau berkata: "Masalah utama adalah sikap rakyat sendiri yang masih lagi membuang sampah tanpa melihat komposisi sampah itu sama ada ianya sisa makanan atau kaca."

Walaupun tindakan denda dikenakan ke atas pihak-pihak yang melanggar Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, ianya masih tidak cukup untuk memberi pengajaran kepada masyarakat, katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Bagi pemilik rumah di Kuala Lumpur dan Putrajaya yang gagal buat kali pertama untuk mengasingkan sisa pepejal di punca dikenakan kompaun RM50, katanya.

Beliau berkata Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang dikuatkuasakan 1 Jun 2016 meliputi Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah, mewajibkan pengasingan sisa pepejal mengikut jenis komposisi seperti kertas, plastik, sisa kebun, sisa pukal dan lain lain bahan yang boleh dikitar semula.

Mohd Zahir berkata dengan pengasingan sisa pepejal, jumlah sampah yang dibuang dapat dikurangkan dan secara tidak langsung mengurangkan keperluan jumlah tapak pelupusan sampah.

Untuk itu, program pendedahan dan kesedaran untuk rakyat Malaysia mengasingkan sisa pepejal amat diperlukan, katanya.

Menurut laman web Swcorp, tahun ini sahaja, jumlah sampah yang dijana di seluruh negara telah